

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 27 DISEMBER 2013 (JUMAAT)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Amaran angin kencang dan laut bergelora	Bernamea.com
2	Tiada amaran Tsunami dikeluarkan agensi Jepun – Jabatan Meteorologi	Bernamea.com
3	Amaran angin kencang, laut bergelora	Sinar Harian
4	Tiada amaran Tsunami dikeluarkan Jabatan Meteorologi	Berita Harian
5	Jabatan Meteorologi ramal angin kencang, laut bergelora	Harian Metro
6	Kerajaan digesa naik taraf pusat banjir	Sinar Harian
7	Strong winds and rough seas ahead	The Star
8	We need a better warning system	New Straits Times
9	No Tsunami threat detected in Lahad Datu	The Star
10	Rough seas prompt stay-clear alert	New Straits Times
11	Swimmers show apathy by ignoring red flags	New Straits Times
12	Biocon mulakan operasi di Bio-XCell pada akhir 2014	Bernamea.com
13	Biocon mulakan operasi di Johor	Utusan Malaysia
14	All systems go for Biocon	The Malay Mail
15	Operasi Biocon di Bio-XCell mula akhir Januari	Berita Harian
16	Biocon mula operasi akhir 2014	Kosmo
17	Memaksimumkan tanag pertanian dengan teknologi terkini	Berita Harian



## Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora

KUALA LUMPUR, 26 Dis (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur, Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak dijangka berterusan sehingga Selasa depan.

**Jabatan Meteorologi** dalam kenyataan di sini berkata angin kencang Timur Laut dengan kelajuan dari 60 kmsj berlaku di perairan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur serta ombak mencapai ketinggian melebihi 5.5 meter.

Selain itu, kawasan pantai di negeri berkenaan turut terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut yang dijangka berterusan sehingga 31 Dis.

Angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 50-60 kmsj berlaku di perairan Sabah (Pedalaman, Pantai Barat dan Kudat), Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter.

Kedua-dua keadaan ini berbahaya kepada semua aktiviti pantai dan perkapalan termasuk menangkap ikan, pekerja di pelantar minyak dan perkhidmatan feri.

Menurut kenyataan itu, ribut petir yang berlaku di kawasan perairan Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah dijangka berterusan sehingga awal petang ini.

-- BERNAMA



## Tiada Amaran Tsunami Dikeluarkan Agensi Jepun - Jabatan Meteorologi

KUALA LUMPUR, 26 Dis (Bernama) -- Agensi Meteorologi Jepun (JMA) tidak pernah mengeluarkan sebarang amaran akan berlaku tsunami dalam tempoh 36 jam di kawasan Borneo sebagaimana yang tersebar di laman sosial.

Menurut jurucakap [Pusat Amaran Awal Tsunami Nasional Jabatan Meteorologi Malaysia](#), selain tidak mengeluarkan amaran tsunami, JMA tidak mengesan sebarang gempa bumi yang boleh mencetuskan tsunami.

"Kita telah periksa dengan JMA, mereka tidak ada keluaran apa-apa amaran sama ada (mengenai) tsunami atau gempa bumi," katanya ketika dihubungi Bernama malam ini.

Beliau tidak menolak kemungkinan hujan lebat dan angin kencang di Sabah ketika ini mencetuskan panik dalam kalangan orang ramai yang mengaitkannya dengan kejadian tsunami.

Sementara itu, [Pengarah Meteorologi Sabah Abdul Malek Tussin](#) berkata pihaknya juga tidak mengeluarkan sebarang amaran tsunami.

"Saya pun tak faham macam mana cerita begini boleh timbul," katanya.

Khabar angin bahawa tsunami akan berlaku di Borneo dalam tempoh 36 jam tersebar di laman sosial susulan sekeping gambar laut bergelora, kononnya diambil di kawasan perairan Brunei, dimuat naik di laman sosial termasuk Facebook.

Ia mencetuskan panik dalam kalangan penduduk Sabah, yang turut meluahkannya menerusi media sosial.

-- BERNAMA



# Tiada amaran tsunami dikeluar Jabatan Meteorologi

» JMA sahkan tiada gempa bumi, lautan berhampiran Brunei bergelora

Oleh Mohd Azrone Sarabatin  
azrone@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Jabatan Meteorologi mengesahkan tiada amaran berjaga-jaga kemungkinan berlaku tsunami dalam tempoh 36 jam akan datang dikeluarkan oleh Agensi Meteorologi Jepun (JMA).

Jurucakapnya ketika dihubungi semalam berkata, tiada kawasan dikesan berlaku gempa bumi yang boleh menyebabkan tsunami, termasuk dakwaan lautan berhampiran Brunei sedang bergelora.

"Kita telah menghubungi JMA dan agensi itu mengesahkan tiada amaran tsunami atau gempa bumi," katanya.

## Nafi khabar angin

Pemantauan BH dalam laman web JMA yang boleh dilayari menerusi [www.jma.go.jp](http://www.jma.go.jp) juga mendapati tiada amaran tsunami dikeluarkan pihak ber-

## Penduduk berpesta ikan terdampar

» Pihak berkuasa nafi fenomena aneh petanda tsunami

Oleh Mohd Izham Unip  
Abdullah  
haddus@bh.com.my

Kota Kinabalu

Penduduk Kampung Tambisan Darat, Lahad Datu, berpesta ikan tamban apabila

an ikan melompat-lompat menuju ke pantai dibawa ombak sebelum terdampar.

"Saya ada mendengar kejadian seperti ini pernah berlaku, apa yang saya lihat ini amat menghairankan kerana belum pernah berlaku yang begitu banyak tiba-tiba terdampar di pantai," katanya.

Ada yang mengaitkan keadaan itu dengan petanda tsunami berdasarkan pengalaman fenomena sama berlaku sejurus sebelum bencana itu melanda di Aceh, Kedah dan Pulau Pinang pada 26 Disember 2004, tetapi ia dinafikan pihak berkuasa berkaitan. Seorang penjawat awam di Tambisan Darat berkata,



Penduduk kampung mengambil kesempatan mengutip ikan tamban yang terdampar di tepi air di Pantai Kampung Tambisan Darat, Lahad Datu.

« Tiga kumpulan besar ikan



**Keratan akhbar BH mengenai fenomena ribuan ikan tamban 'naik' ke darat di Kampung Tambisan Darat, Lahad Datu, kelmarin.**

kuasa kaji cuaca itu.

Semalam, tersebar khabar angin kononnya berlaku tsunami termasuk di perairan negara dalam tempoh 36 jam akan datang.

Maklumat dari radio amatir itu mendakwa kononnya lautan di Brunei sedang bergelora yang ada petunjuk berlakunya tsunami.

« Kita telah hubungi JMA dan agensi itu mengesahkan tiada amaran tsunami atau gempa bumi"

Jurucakap Jabatan Meteorologi

Khabar angin tsunami mula tersebar berikutan fenomena ribuan ikan tamban 'naik' ke darat di Kampung Tambisan Darat, Lahad Datu, jam 8 malam, kelmarin.

Bagaimanapun, Jabatan Meteorologi menafikan ia petanda tsunami kerana tiada sebarang petunjuk mengenai-

